

Bahagian B

A. Teliti gambar dan dialog di bawah ini. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Sebagai Ketua Kampung Sungai Udang, saya berasa sangat gembira kerana semua penduduk memberikan kerjasama untuk menjayakan program gotong-royong pada hari ini.

Penduduk kampung kita sangat rajin.



Betul itu, Puan Rosnah. Lihatlah mereka, masing-masing membuat kerja dengan tekunnya.

Walaupun penat tetapi saya berasa gembira kerana sungai di kampung kita menjadi bersih dan indah.



(a) Berdasarkan gambar, program itu ialah _____

[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** sikap penduduk Kampung Sungai Udang.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(c) Berdasarkan gambar, nyatakan perasaan ketua kampung tersebut.

[2 markah]

(d) Selain mengadakan aktiviti seperti yang ditunjukkan dalam gambar, apakah langkah-langkah lain yang dapat diambil untuk menjaga kebersihan sungai?

Jawapan kamu hendaklah dalam ayat yang lengkap. **KBAT**

[3 markah]

TIP

Cara menjawab soalan

1. Baca dan fahami soalan.
2. Soalan tersebut berbentuk KBAT. Soalan tersebut meminta kamu menyatakan langkah-langkah lain yang dapat diambil untuk menjaga kebersihan sungai.